TOK PULAI CHONDONG: SUMBANGAN DAN JARINGAN INTELEKTUAL ULAMA PATANI DALAM PENGEMBANGAN TRADISI KEILMUAN DI ALAM MELAYU

Abdulloh Salaeh, Zamrie Ibrahim @ Musa, Syed Najihuddin Syed Hassan, Adnan Mohamed Yusoff, Mesbahul Hoque, Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi

[1] KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (Email: abdulloh@usim.edu.my)
[2] Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (Email: zamrie@usim.edu.my)
[3] KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (Email: syednajihuddin@usim.edu.my)
[4] KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (Email: adnan@usim.edu.my)
[5] KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (Email: hudazainuzi@raudah.usim.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan peranan seorang ulama tersohor dari Kelantan, Tok Pulai Chondong atau nama sebenarnya Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah (1792–1873), dalam memperkasa dan menyebarkan ilmu Islam tradisional di Alam Melayu. Tokoh ini bukan sahaja berpengaruh di tanah kelahirannya, malah mempunyai hubungan rapat dengan jaringan ulama Patani yang terkemuka, antaranya Syeikh Daud al-Fatani dan Syeikh Abdul Rahman Abdul Mubin al-Fatani. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti jaringan intelektual beliau serta sumbangannya dalam memperkukuhkan kesinambungan tradisi ilmu di rantau ini, kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan dengan menganalisis artikel, manuskrip, karya terdahulu, dan catatan biografi. Melalui penelitian terhadap latar pendidikan, hubungan kekeluargaan, penulisan karya, serta pembinaan pondok pengajian di Pulai Chondong, kajian ini berjaya mengenal pasti kedudukan Tok Pulai Chondong sebagai seorang pendidik, penulis, dan tokoh tarekat yang beramal dengan wirid serta hizib, bahkan dikenali dengan keistimewaan karamah yang diakui masyarakat setempat. Hasil kajian

mendapati beliau telah melahirkan ramai murid berpengaruh di Alam Melayu dan memainkan peranan penting dalam menghubungkan tradisi keilmuan Islam berasaskan sanad pengajian yang mantap. Penulisan ini menegaskan bahawa jaringan ulama Nusantara yang didukung oleh Tok Pulai Chondong menjadi asas kepada kelangsungan dan perkembangan tradisi keilmuan Islam di Alam Melayu.

Kata kunci: Tok Pulai Chondong, jaringan intelektual, ulama Patani, ilmu tradisional, Alam Melayu.

PENDAHULUAN

Kelantan adalah sebuah negeri di Semenanjung yang mempunyai penduduk yang ramai sejak abad ke-19 lagi, tetapi kurang terpengaruh oleh perkembangan kebanyangan sosio ekonomi. Menurut Khoo Kay Kim (1982), Kelantan merupakan salah sebuah negeri Melayu yang kurang terpengaruh oleh perkembangan-perkembangan sosioekonomi yang melanda negeri-negeri bijih timah di sebelah utara. Dan di Kelantan juga termasyhur dengan ulama-ulama serta digelarkan Serambi Mekah pada zaman dahulu. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Fadli Ghani (2023), perkembangan ini sehingga dapat melahirkan Kelantan sebagai negeri Serambi Mekah menjelang abad ke-20. Boleh dikatakan bahawa walaupun terdapat ramai ulama di Kelantan, perintis awal yang mengasaskan sistem pondok ialah Tok Pulai Chondong. Beliau menubuhkan pusat pengajiannya di Kampung Pulai Chondong. Menurut Mohd Fadli Ghani (2023), Tok Pulai Chondong membuka Pondok Pulai Chondong sekitar 1820, Pada waktu itu, sistem pengajian pondok semakin berkembang pesat sehingga jumlah pelajarnya mencecah hampir 500 orang. Juga Sistem pendidikan yang dibawanya banyak terpengaruh oleh model yang diamalkan di Patani, memandangkan beliau pernah menuntut di sana bersama Syeikh Abdul Rahman al-Mubin di Pauh Bok. Dari segi fizikal, pondok pada masa itu berbentuk rumah-rumah kecil yang berfungsi sebagai tempat tinggal, dengan setiap satu mampu memuatkan seramai tiga atau empat orang pelajar (Norhasnira Ibrahim et al., 2018).

BIOGRAFI TOKOH

Tok Pulai Chondong, atau nama sebenarnya Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah (1792 - 1874), merupakan seorang ulama terkemuka di Kelantan. Beliau dilahirkan di Kampung Bukit, dalam daerah Pulai Chondong, pada

tahun 1792 Masihi (bersamaan 1207 Hijrah). Gelaran Imam Bukit diberikan kepadanya kerana pernah berkhidmat sebagai imam di Kampung Bukit. Menurut Amirul Ulum (2023), berdasarkan satu riwayat lain, ayahanda beliau berasal dari Kampung Bira, Patani, dan mempunyai pertalian keluarga dengan Syeikh Daud al-Fatani. Tok Pulai Chondong adalah saudara dua pupu kepada Syeikh Daud Abdullah al-Fatani.

Datuknya, Haji Hasyim, adalah daripada keturunan Sultan Ahmad Minangkabau dari Sumatera yang berhijrah ke Patani pada abad ke-18. Haji Hasyim kemudiannya berhijrah ke Kelantan bersama-sama tiga anak lelakinya, iaitu Faqih Abdullah (ayah kepada Tok Pulai Chondong), Faqih Abdul Rahmat, dan Faqih Ali.

Tok Pulai Chondong dikenali sebagai salah seorang ulama Melayu yang sangat bertanggungjawab dalam mengembangkan syiar Islam di Nusantara, Menurut Siti Nur Azierah Abdul Ghani (2021) Negeri Kelantan menjadi tumpuan orang ramai yang datang daripada dalam dan luar negara untuk mendalami ilmu agama. Hal ini kerana di sini telah lahir ramai ulama-ulama hebat dalam bidang agama seperti Fiqh, Usuluddin dan Tasawwuf. Ulama-ulama ini begitu aktif dalam menyebarkan dakwah dan juga membangunkan sistem pendidikan Islam buat masyarakat umum. Pendidikan Islam amat penting bagi mengeluarkan masyarakat yang berada dalam kegelapan kejahilan ilmu kepada cahaya kebenaran,

Ayahanda kepada Tok Pulai Chondong merupakan seorang ulama yang mahir dalam bidang fekah dan menjadi rujukan masyarakat pada zamannya. Tok Pulai Chondong sendiri mempunyai tiga orang adik-beradik, iaitu Halimah dan Abd. Rahman, selain dirinya. Sebagai seorang ulama yang alim serta warak, beliau amat mendalami ilmu agama dan sentiasa mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Beliau juga terkenal sebagai seorang yang kerap menunaikan ibadah haji, bahkan pada suatu ketika pernah membawa anaknya yang bernama Muhammad Arshad, ketika itu berusia 13 tahun, untuk menunaikan haji bersama. Dalam kesempatan itu, beliau sempat menziarahi makam Imam al-Syafi'i di Mesir bersama seorang tokoh ulama lain, iaitu Tuan Tabal, sekali gus memperlihatkan hubungan eratnya dengan tradisi keilmuan Islam yang berpaksikan mazhab al-Syafi'i. Haji Abdul Samad telah menunaikan ibadah haji sebanyak empat kali. Kali pertama adalah pada tahun mulai sambung belajar dan pada kali kedua pada tahun 1840 Masihi, kali ketiga pada tahun 1861 Masihi, dan kali terakhir (keempat) pada tahun 1873 Masihi.



Gambar 1: Masjid Tok Pulai Chondong



Gambar 2: Tuan Guru Haji Sulaiman bin Haji Arsyad (cucu kepada Tok Pulai Chondong)





Gambar 3: Waris Tok Pulai Chondong Hadir dalam Seminar Ulama Agung Malaysia pada 16 Ogos 2025 (Abdulloh, 2025)

PERKAHWINAN DAN KELUARGA

Haji Abdul Samad mempunyai empat orang isteri dan telah dikurniakan 16 orang anak. Daripada jumlah itu, empat orang telah meninggal dunia ketika masih kecil, meninggalkan 12 orang anak yang masih hidup. Anak-anak yang masih hidup itu terdiri daripada sembilan lelaki dan tiga perempuan. Kesemua anak-anaknya membesar dalam suasana keluarga yang berpegang teguh kepada ajaran agama. Sebahagian besar daripada mereka juga menerima pendidikan agama secara formal, seterusnya aktif dalam bidang keilmuan dan kemasyarakatan.

Senarai nama kesemua 12 orang (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2006) anaknya adalah seperti berikut:

1. Haji Abdul Hamid
2. Haji Abdul Syukur
3. Haji Abdul Aziz
4. Haji Omar
5. Haji Muhammad Said
6. Haji Taib
7. Hajah Siti Mariam
8. Haji Muhammad Arsyad
9. Haji Abdullah
10. Haji Muhammad
11. Hajah Zainab
12. Hajah Ummu Maimunah

PENDIDIKAN

Pendidikan awal daripada ayah dan datuknya melalui sistem pengajian pondok tradisional Pattani dan beliau juga pernah belajar di Pondok Pauh Bok bersama dengan Syeikh Abdul Rahman Abdul Mubin al-Fatani (1780) Beliau dipercayai menuntut di Patani selama 10 tahun di Pattani kemudian pada umur 16 tahun pergi sambung belajar di mekah dan belajar bersama pengarang pengarang kitab pada masa ramai ulama sama ada ulama di tanah Makkah atau ulama yang datang ke Makkah dan beliau mendalami ilmu di Makkah sekitar 20 tahun. Ada satu pendapat menyatakan bahawa beliau dihantar belajar di Makkah pada 1808M.

Ketika beliau di Makkah beliau belajar ilmu agama dengan Tuan Guru Adam dan Syeikh Daud al-Fatani (ketika di Makkah dan di Pondok Pauh Bok). Beliau sempat pergi ke Mesir dan juga menziarahi makam Imam Muhammad

ibn Idris asy-Syafi'i. Sebagai mana telah terang di atas. Selain dari itu beliau bersahabat dengan beberapa orang antaranya ialah Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani (yang kemudian dikenali dengan nama Tuan Hasan Besut). Juga saudaranya Syeikh Wan Ali bin Wan Ishaq al-Fathani. Sewaktu belajar di Mekah, Tok Pulai Chondong juga bersahabat dengan Syeikh Abdul Malik bin Isa Terengganu, Syeikh Wan Musa dan ramai lagi (Siti Nur Azierah Abdul Ghani, 2021).

Beliau telah berkongsi khazanah ilmunya dalam tiga cabang utama Islam: Usuluddin, Fiqh, dan Tasawuf. Ketiga-tiga ilmu ini bersifat fardu ain dan menjadi teras keperluan setiap Muslim. Peranan masing-masing adalah jelas: Usuluddin menjadi perisai akidah daripada tercemar dengan syirik; Fiqh menjadi panduan untuk ibadah yang sahih dan penerapan hukum syarak dalam kehidupan; manakala Tasawuf menyucikan hati, memupuk keikhlasan, dan membersihkannya daripada sifat-sifat mazmumah bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dengan menguasai ketiga-tiga ilmu ini, baru lahirlah masyarakat Muslim yang seimbang dan menyeluruh, teguh pendiriannya dari sudut akidah, syariat, dan akhlak.

KHAZANAH ILMUNYA DALAM TIGA CABANG

- Usuluddin
- Fiqh
- Tasawuf





Gambar 4: Contoh Pondok

KAWAN KAWANNYA

1. Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathan (Hasan Besut)
2. Syeikh Wan Ali bin Wan Ishaq al-Fathani
3. Syeikh Abdul Malik bin Isa Terengganu,
4. Syeikh Wan Musa



Gambar 5: Kubur Gurunya Syeikh Abdul Rahman Abdul Mubin Al-Fatani (w1780) Di Kampung Pauh Bok

GURU GURUNYA

1. Faqih Haji Abdullah
2. Syeikh Abdul Rahman Abdul Mubin al-Fatani (1780)
3. Guru Adam
4. Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani (1768-1847)
5. Kemungkinan juga berguru dengan Sheikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis Terengganu) kerana hidup sezaman dengan "Syeikh abdul Rahman"
6. Syeikh Abdul Samat al-Falimbani
7. Syeikh Abdu Rauf bin abdu wahid al fatani
8. Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa (Tok Bendang Daya) 1895

KAWAN KAWAN

1. Hasan Bin Ishak Besut
2. Wan Ali bin Isahak saudara hasan besut.
3. Syaikh Musa al-Fathani.
4. Tok Kelaba (1863 M)
5. Tok Tun Datu,
6. Tok Tebing,
7. Tok Ka'bah,
8. Tok Jias,
9. Tok Bahrain,
10. Tok Bangsal,
11. Tok Nahu,
12. Tok Kutan,

13. Tok Salor,
14. Tok Seribong,
15. Tok Panchor,
16. Tok Tikat,
17. Tok seRidik,
18. Tok Raja Imam,
19. Tuan Pangkalan,
20. Tuan Padang

MURID- MURIDNYA

1. Haji Wan Muhammad ibn Abdurrahman (w. 1913),
2. Haji Jamaludin ibn Muhammad kota Baharu (w 1886),
3. Haji Yaqub ibn Muhammad (w. 1907),
4. Haji Ahmad ibn Muhammad (1915),
5. Haji Mat saman Ibn Haji Wan Taib (w. 1917),
6. Haji Umar ibn Haji Abdus Shomad (w. 1911),
7. Haji Asryad ibn Abdus Shomad (w. 1912),
8. Haji Wan Abdul Qadir ibn Haji Wan Sulaiman (w. 1900),
9. Haji Abdul Ghani (w. 1880),
10. Haji Muhammad Bendang al-Fathani (w. 1950),
11. Lebai Hamat ibn Deraman (w. 1933).

AMALANNYA TEKUN

Sebahagian daripada istiqamah dan wirid beliau ialah mengamalkan zikir secara jahar mahupun sirr, di samping tidak pernah meninggalkan bacaan

Hizb al-Bahri yang dinisbahkan kepada Syeikh Abī al-Hasan al-Syādzilī qaddasallāhu sirrah. Munurut Siti Nur Azierah Abdul Ghani (2021) Dalam kitab Lum'ah al-Awrād Tok Wan Ali menyebut bahawasanya beliau menerima ijazah Hizb al-Bahr daripada Shaykh Ahmad bin As'ad al-Dihan. Selain itu, beliau juga memiliki beberapa amalan lain, namun tidak dapat dihuraikan di sini kerana penulis tidak memperoleh maklumat yang lebih jelas dan sahih mengenainya.



Gambar 6: hizib al bahri bagi Syeikh Abi Hasan asy-Syazili qasallah hu sirahu

JARINGAN DAN SUMBANGAN KEILMUAN BERSAMA ULAMA FATANI

Syeikh Abdul Rahman Abdul Mubin al-Fatani merupakan salah seorang ulama penting dalam jaringan keilmuan Alam Melayu, khususnya dalam tradisi pondok. Beliau dikenal pasti sebagai guru kepada Tok Pulai Chondong, selain turut mempunyai hubungan rapat dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, seorang tokoh besar yang sangat berpengaruh dalam penyebaran ilmu fiqh dan tasawuf di rantau ini. Selain itu, Syeikh Abdus Samad al-Falimbani, seorang ulama terkemuka yang terkenal dengan karya-karya dan pemikiran tasawufnya, juga dipercayai mempunyai kaitan langsung dengan Tok Pulai Chondong, bahkan kemungkinan besar menjadi salah seorang guru kepada beliau. Hal ini memperlihatkan bahawa tradisi keilmuan pondok tidak hanya terikat di satu wilayah, tetapi meluas melalui jaringan ulama yang saling berguru dan bersahabat.

Jaringan ini turut diperkuatkan dengan hubungan sahabat dan kerabat, seperti yang terlihat pada Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani dan Syeikh Wan Ali bin Wan Ishaq al-Fatani (Siti Nur Azierah Abdul Ghani 2021), Hubungan persahabatan serta persaudaraan ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh rangkaian keilmuan dan penyebaran kitab-kitab agama di seluruh Alam Melayu. Secara keseluruhannya, jaringan keilmuan ini terjalin melalui beberapa bentuk yang utama, iaitu:

Sanad pengajian pondok yang berkesinambungan dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Pertukaran pelajar dan kitab, yang memastikan kesinambungan ilmu fiqh, tasawuf dan pengajian Islam klasik tersebar secara meluas. Hubungan spiritual melalui tarekat dan tasawuf, yang menjadi asas pembentukan rohani serta pengukuhan hubungan ulama dan masyarakat. Jaringan keilmuan yang terbentuk ini bukan sahaja memperkukuh tradisi pendidikan Islam di Nusantara, malah turut membentuk suatu sistem pendidikan, intelektual, dan kerohanian yang berpengaruh luas dalam masyarakat. Tradisi inilah yang menjadi asas kepada kesinambungan keilmuan pondok serta melahirkan generasi ulama yang terus memainkan peranan penting dalam membimbing Masyarakat.

KARYA-KARYA TOK PULAI CHONDONG

Kitab ini karya beliau sendiri mempunyai 4 kuras dan mengandungi 3 rangkaian ilmu iaitu tauhid dan faqah juga tashuf ini menjadi kitab asas bgi orang baru yang nak kenal aqama allah swt munasanasabah dengan leven atau peringkatnya kitab nipis tetapi isi kandungan lengkap, ini adalah kebijasana tokoh ini.





Gambar No 7: Karya-Karya Tok Pulai Chondong

CIRI-CIRI RINGKASAN BUKU

Antara ciri-ciri kitab ini ialah jumlah mukasuratnya sebanyak 130 halaman yang mengandungi beberapa ilmu asas. Ukuran kitab ini adalah lebar 17 cm, panjang 22 cm, ketebalan 0.05 cm serta beratnya 91 gram. Maklumat ini diperoleh hasil penelitian penulis terhadap kitab tersebut. Dari segi bentuk tulisan, ada yang jelas dan baik, namun terdapat juga beberapa muka surat yang rosak atau berlubang sehingga tidak dapat dibaca.

Contoh susunan manuskrip ini pula menunjukkan adanya dua jenis halaman. Sebahagiannya mempunyai 15 baris, manakala sebahagian yang lain mengandungi 17 baris. Sebagai contoh, pada halaman pertama terdapat baris dengan susunan 12 kalimah, diikuti baris kedua dengan 13 kalimah, baris ketiga dengan 14 kalimah, serta baris keempat dengan 13 kalimah. Contoh ini hanya sebahagian kecil sahaja yang dibawa oleh penulis. Bagi yang berminat, bolehlah meneliti karya seterusnya. (Tok Pulai Chondong, 1359H)

Sekiranya terdapat naskhah lain, perbandingan perlu dibuat. Jika tiada, maka hendaklah merujuk kepada kitab-kitab muktabar yang lain, membuka bab tertentu, kemudian menyalin semula supaya menjadi sebuah kitab yang sempurna. Kitab ini masih belum melalui proses pemuliharaan atau pembaikan, dan ia masih berada dalam simpanan waris atau anak cucu beliau. Penulis memperoleh kitab ini setelah mendapat izin daripada warisnya.

WAFAT

Tok Pulai Chondong telah meninggal dunia pada tahun 1870 dan dimakamkan di Makam Keramat Makla, berhampiran makam Saiyidatina Khadijah radiyallahu 'anha.

KESIMPULAN

Hasil kajian membuktikan bahawa Tok Pulai Chondong merupakan seorang ulama Melayu yang memainkan peranan signifikan dalam menyebarkan syiar Islam di Nusantara pada abad yang lalu. Beliau mempunyai jaringan ulama yang luas, terutamanya dengan ulama Patani, yang terjalin melalui institusi pengajian pondok, pertukaran kitab, serta hubungan kerohanian melalui tarekat yang merangkumi aspek persahabatan dan perguruan. Pondok yang diasaskannya di Pulai Chondong berfungsi sebagai pusat pendidikan agama yang unggul dan telah melahirkan ramai tokoh agama yang terkemuka. Karya manuskrip beliau menjadi bukti kukuh wujudnya tradisi penulisan

ilmu yang mantap dalam kalangan ulama tempatan. Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa Tok Pulai Chondong berperanan sebagai penghubung penting yang menjalinkan tradisi keilmuan Patani, Kelantan, dan Mekah. Usahanya berjaya memartabatkan ilmu Islam serta membina kesinambungan jaringan ulama di Alam Melayu.

Penulis juga ingin mengemukakan cadangan berdasarkan tiga faktor teras agama bagi mengukuhkan kehidupan masyarakat:

1. Pengukuhan Asas Agama: Memperkukuh pemahaman dalam tiga kerangka utama, iaitu tauhid, fiqah, dan tasawuf.
2. Keistiqamahan dalam Beramal: Konsisten dalam melazimi amalan-amalan soleh dan ketaatan.
3. Penghormatan kepada Warisan Ilmu: Menziarahi kubur para wali dan ulama sebagai satu bentuk tarbiyah rohani dan penghargaan terhadap warisan ilmu.

Penerapan nilai-nilai ini diharapkan dapat membendung kelalaian hidup masyarakat sekaligus mendatangkan pertolongan dan rahmat daripada Allah SWT. Wallahu a'lam.

RUJUKAN

Abdulloh. (2025) Seminar Ulama Agung Malaysia, Tempat: Pusat Madrasah al-Ahmadiyah, Narathiwat, hari sabtu 16 ogos 2025

Amirul Ulum (2023). Ulama Nusantara Center, Tok Pulai Chondong https://ulamanusantaracenter.com/

Khoo, K. K. (1982). Beberapa Aspek Warisan Kelantan. Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar.

Mohd Fadli Ghani (2023). Lebai Diman Betara Guru, 1764-1838: Peranan Dan Pengaruh Keturunannya Dalam Dakwah Dan Politik Di Kelantan

Norhasnira Ibrahim, Abdulloh Salaeh, (2018). Menjejaki ulama Patani kontemporari. Mufid Work.

Siti Nur Azierah Abdul Ghani, Khazri Osman (2021) Ketokohan Haji Abdul Samad Dalam Bidang Dakwah, Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH) 2021 UKM.

Tok Pulai Chondong (1359H): Koleksi Manuskrip "Jawahir al-Din" – Sebuah Khazanah Ilmu di Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah, Narathiwat

Wan Mohd Shaghir Abdullah, (2006) Tok Pulai Chondong Ulama Sufi Berwibawa Kelantan. http://ulama-nusantara.blogspot.com/2006/11/tok-pulai-chondong-ulama-sufi.html[12 Mei 2021].